

Please prepare a good literary translation of the entire passage in the time allowed; use of a dictionary is permitted. Choose one of the two passages.

TIME: 2 hours

passage 1

## Perbahasan Tentang Jilatan Anjing: Suatu Perhatian

NIK ABDUL AZIZ BIN HJ. NIK HASSAN

START  
↓

Pengaliran ilmu Islam mengikut Tariq Syah Waliullah al-Dehlavi ke negeri Kelantan, yang bermula pada penghujung tahun 1934 telah memperhebatkan lagi suasana perbezaan pendapat di antara ulama-ulama di negeri ini, khususnya di dalam ilmu Fiqah.<sup>1</sup> Perbezaan pendapat ini timbul kerana pendekatan dalam melihat dan mengkaji ilmu Islam mengikut Tariq ini berbeza daripada pendekatan yang digunakan oleh hampir keseluruhan ulama lain di negeri ini. Salah satu daripada contoh yang baik untuk melihat perbezaan dari segi pendekatan itu ialah berhubung dengan soal jilatan anjing; isu ini telah membawa ulama-ulama yang bertentangan pendapat itu berbahas pada tahun 1937, di dalam usaha mereka untuk mencari kebenaran di sisi Islam. Untuk mendapat gambaran yang penuh berkenaan dengan soal perbahasan ini penulis merasa perlu terlebih dahulu digalurkan tentang peristiwa-peristiwa yang membawa kepada perbahasan itu dan perkara-perkara yang berlaku akibat daripada perbahasan itu. Seterusnya diikuti pula dengan huraian-huraian tentang hujah-hujah dari segi keilmuan yang diutarakan oleh ulama-ulama yang terlibat dalam perbahasan itu.

Sekembali Hj. Nik Abdullah b. Hj. Wan Musa (1900–1935) ke Kota Bharu dari Mekah, beliau telah dipanggil oleh Tengku Ibrahim Ibni Sultan Muhammad IV, Raja Kelantan, ke Istananya yang diberi nama Sri Cemerlang.<sup>2</sup> Semasa ber-

cakap-cakap tentang hal-hal keagamaan dengan Hj. Nik Abdullah, Raja Kelantan yang ingin sangat memelihara anjing ada bertanya kepada ulama itu sama ada anjing itu boleh dipelihara atau tidak, dan bagaimanakah pula kiranya terkena air liur anjing itu kepada anggota manusia? Di dalam menjawab soalan itu, Hj. Nik Abdullah mengatakan bahawa kiranya binatang anjing itu difikir sangat perlu untuk keselamatan rumahtangga, maka binatang itu perlu pula dipelihara oleh anggota keluarga itu. Menjawab soalan yang kedua, Hj. Nik Abdullah mengatakan, kalaulah mengikut pendapat Imam Syaffii anggota tubuh badan manusia yang terkena jilatan anjing itu wajib disamak,<sup>3</sup> akan tetapi kalaulah berpandukan kepada pendapat Imam Malik pula, tidak harus disamak. Oleh kerana adanya pandangan yang kontroversial di antara kedua dua ulama mujtahid mutlak ini, maka kata beliau orang ramai boleh memilih pandangan yang mana satu di antara kedua itu untuk diamalkan.]

passage 2

Dalam masa berlaku-nya pertelingkahan memilih ganti Sultan 0  
itu, Tengku Puan Basik telah mengutus juga kepada Gabenor  
Negeri2 Selat di-Singapura menhadangkan perlantekan putera-  
nya Raja Muda Mahmud itu jadi Sultan Selangor. Tetapi Gabenor  
itu telah menjawab dan menerangkan bahawa pemilihan Sultan  
Selangor itu terserah-lah kepada orang besar2 Selangor.

Sa-telah Raja Abdul Samad jadi Sultan Selangor, baginda telah  
mengangkat putera sulong baginda yang bernama Raja Musa  
menjaga pemerintahan di-daerah lembahan Sungai Selangor dan  
diam di-Kuala Selangor. Daerah Langat di-tetapkan dalam jagaan 100  
baginda sendiri. Daerah Kelang memang telah di-tentukan dalam  
jagaan Raja Abdullah bin Raja Ja'afar adek Raja Juma'at Lukut.  
Dan Lukut dalam pegangan Raja Juma'at (Raja Tua). Daerah  
Bernam di-lembahan Sungai Bernam memang telah lama di-  
perintah oleh suatu chawangan keluarga diraja Selangor yang  
tiada berbaik dengan baginda. Pada masa itu, Sultan Abdul Samad  
yang telah berumur lebeh kurang lima puluh tahun itu bersemayam  
di-Langat (Bandar Termasa) berihat-rihat menyenangkan diri  
sambil membuat kerja2 kegemaran baginda memelihara pokok2 200  
bunga, mengumpulkan timah dan mengisap chandu juga sa-bagai  
kebiasaan raja2 Melayu masa itu. Baginda tidak-lah bagitu rajin  
dan chergas mengawal dan menjaga raja2 serta orang besar2 yang  
di-bawah pemerintahan baginda.

Berkenaan dengan Raja Abdullah pemerintah Kelang yang  
telah membuka lombong bijeh timah di-Ampang (Kuala Lumpur)

sejak tahun 1857 yang di-kerjakan oleh pekerja2 China itu, di-  
dapati perusahaan-nya itu beransor maju. Dua tahun lepas itu —  
pada tahun 1859 — mula-lah di-keluarkan hasil timah dari lom-  
bong Raja Abdullah itu dan telah di-perdagangkan keluar negeri  
(Negeri2 Selat). 300